



Headline: Suri rumah rugi RM15,000 dipercayai jadi mangsa 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Section: Citra Utusan

Date: 28 April 2019

Page: 4

Suri rumah rugi RM15,000 dipercayai jadi mangsa 'Macau Scam'

KUCHING: Seorang suri rumah membuat laporan polis selepas mengesyaki dirinya menjadi mangsa kes penipuan sindiket 'Macau Scam' dengan mendakwa mengalami kerugian RM15,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani berkata, wanita berusia 41 tahun itu terdahulu menerima panggilan daripada seorang lelaki pada 23 April lepas.

Menurutnya, suspek memaklumkan kepada mangsa bahawa dia mempunyai tunggakan bayaran GST sebanyak RM50,000 dan seterusnya dia disambungkan kepada panggilan kepada seorang lelaki yang didakwa anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

"Lelaki yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis itu memaklumkan kepada mangsa bahawa akaun banknya telah digunakan untuk berurusan wang haram menyebabkan mangsa panik dan kemudian mula mengikuti arahan yang diberikan suspek.

"Mangsa kemudian telah memasukkan wang berjumlah RM15,000 ke satu akaun yang diberikan suspek kononnya untuk tujuan siasatan dan menjanjikan wang tersebut akan diberikan semula kepada mangsa dalam tempoh dua jam," katanya.

Mangsa mengesyaki dirinya ditipu apabila wang tersebut tidak dikembalikan kepadanya dalam tempoh dua jam tersebut dan kemudian terus membuat laporan polis.

Siasatan lanjut berhubung kejadian masih dijalankan.